

USIM johan hafazan peringkat ASEAN

SEREMBAN 20 Ogos - Penuntut Sarjana Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Essam Ahmad Lali mengharumkan nama USIM selepas muncul johan Hafazan al-Quran peringkat ASEAN baru-baru ini.

Kejayaan Essam Ahmad yang berasal dari Libya itu membolehkan beliau membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 serta piala dan sijil penghargaan yang disampaikan.

Hadiah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal

Dalam pada itu, tempat kedua turut dimenangi oleh penuntut Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) USIM, Abdurahman Husain yang turut berasal dari Libya.

Abdurahman pula menerima hadiah wang tunai RM800 beserta piala dan sijil penghargaan.

Pertandingan tersebut merupakan salah satu kategori yang dipertandingkan sempena pengantaran Pertandingan al-Quran Lepas Ijazah kedua ASEAN yang berlangsung di Kompleks Cahaya, USM Pulau Pinang.

Pertandingan itu disertai oleh penuntut pascasiswazah dari institusi pengajian tinggi (IPT) serantau termasuk Thailand, Singapura, Indonesia, Brunei dan tuan rumah Malaysia.

Kesemua mereka diuji dan dinilai dari aspek kualiti hafazan dan bacaan bermula dari juzuk 25 sehingga 30 al-Quran.